

TINGKATAN 5 2025
BAHASA MELAYU
Kertas 1
PEPERIKSAAN PERCUBAAN (OGOS)
2 jam

1103/1

Dua jam

SKEMA PEMARKAHAN

SKEMA JAWAPAN
Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan (30 markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	26 – 30	<u>Tugasan</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan ransangan/tugasan. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. - Ejaan yang betul mengikut sistem ejaan rumi yang baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat.
	(28 – 30)	
	(25 – 27)	<u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap - Pemerenggan yang sesuai. *** Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain2.
KEPUJIAN	20 – 25	<u>Tugasan</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan ransangan/tugasan. - Huraian jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi - Ejaan yang betul mengikut sistem ejaan Rumi yang baharu.
	(23 – 25)	
	(20 – 22)	

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik. Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap - Pemerenggan yang sesuai.
MEMUASKAN	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih menepati tema bahan rangsangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan/tugas. - Huraian masih jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata masih luas/ terhad. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi - Ejaan masih mengikut sistem ejaan Rumi yang baharu. - Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik. Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. - Wacana masih lengkap. - Pemerenggan yang masih sesuai.
PENGUASAAN MINIMUM	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<u>Tugasan</u> - Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan/tugas. - Huraian kurang jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa masih kurang dari segi kata dan ayat. - Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. - Penggunaan kosa kata terhad - Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		yang Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. • Wacana kurang lengkap. • Pemerenggan kurang sesuai.
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	01-09 (06– 09) (01– 05)	• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan/tugas. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

Bahagian B : Karangan Respons Terbuka

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	Kegramatisan – kata (morfologi) - Ayat (sintaksis) Tanda baca Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	Tema Idea utama Pengembangan (huraian, bahasan, hujahan, contoh) kerelevanan
4. PENGOLAHAN	Wacana Logik Pemerenggan Format
5. GAYA BAHASA	Keindahan bahasa Ungkapan Peribahasa

Bahagian B (70 markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	65-70 (68-70) (64-67)	<u>Tugasan</u> - Karangan menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis bahasa yang gramatis. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa bervariasi. - Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan sangat menarik dan berkesan - Pemerenggan yang sesuai - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
KEPUJIAN	55-63 (59-63) (55-58)	<u>Tugasan</u> - Karangan menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis bahasa yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan - Pemerenggan yang sesuai - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
BAIK	45-54 (50-54) (45-49)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas. - Huraian masih jelas. - Contoh masih sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis bahasa yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. - Penggunaan kosa kata umum. - Ejaan dan tanda baca yang masih betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik. - Pemerenggan yang masih sesuai - Wacana masih lengkap. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
MEMUASKAN	35-44 (40-44) (35-39)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih/ kurang menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas. - Huraian kurang jelas. - Contoh kurang sesuai.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		<u>Bahasa</u> • Ayat kurang gramatis • Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Ejaan dan tanda baca yang masih betul tetapi terdapat kesalahan bahasa minimum. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik. • Pemerenggan yang kurang sesuai • Wacana masih / kurang lengkap. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.
PENGUASAAN MINIMUM	21-34 (28-34) (21-27)	<u>Tugas</u> • Karangan kurang menjawab tugas <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas/ bercampur aduk . • Huraian tidak jelas / tidak berkembang • Contoh tidak sesuai. <u>Bahasa</u> • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. • Penggunaan kata kurang tepat • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan tidak menarik. • Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang • Wacana masih / kurang lengkap.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	01 – 20 (11-20) (1-10)	- Keseluruhan karangan sukar/ tidak difahami. - Idea tidak relevan/ bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai.

Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

- Jika calon menulis dalam bentuk point (Bahagian A dan B)- maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM
- BAHAGIAN B
 - Bilangan perkataan 511 ke atas –maksimum peringkat KEPUJIAN
 - Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – maksimum peringkat BAIK.

Perkataan yang dikira sebagai satu tahap perkataan

- Puisi
- Alamat
- Tarikh
- Nama Khas
- Peribahasa
- Maksud hadis/ Al-Quran/ kata-kata tokoh
- Penanda Wacana
- Tajuk (rencana / surat)
- Kata sendi ‘di’ dan ‘ke’
- Angka

Soalan Bahagian A

[30 markah]

1. Format Penulisan komen

- T- menepati tema
- I- relevan, huraian jelas
- B- gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
- P- sangat menarik dan berkesan.

Soalan :

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat penggunaan sungai di negara kita.

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **kepentingan-kepentingan sungai di negara kita.***

2. Kehendak/tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan **kepentingan-kepentingan sungai di negara kita.**

- i. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan iaitu:
 - a. kepentingan sungai
 - membekalkan air sungai ke kawasan kediaman
 - membantu sektor pertanian
 - b. contoh-contoh (daripada statistik)
 - pertanian 70%
 - perindustrian 15%
 - domestik 15%
- ii. Calon **perlu menyentuh semua bahan** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- iii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **kepentingan sungai - DISEMAK DAN DITERIMA SEPERTI BIASA.**
- iv. Jika calon tidak menyentuh semua bahan -MAKSIMUM KEPUJIAN
- v. Jika calon menulis langkah tanpa dinyatakan pihak – MAKSIMUM KEPUJIAN
- vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir - MAKSIMUM KEPUJIAN
- vii. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan -MAKSIMUM MEMUASKAN

*****Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

Cadangan Jawapan

Pendahuluan

- Sungai merupakan anugerah alam yang sangat berharga kepada kehidupan manusia.
- Di Malaysia, sungai bukan sahaja memainkan peranan penting dalam ekosistem semula jadi tetapi juga menjadi tulang belakang kepada pelbagai aspek kehidupan manusia sejak dahulu lagi.
- Kepentingan sungai semakin terserlah apabila negara kita bergantung sepenuhnya kepada sumber air ini untuk pelbagai keperluan harian dan sektor ekonomi.

Isi 1 : membekalkan air sungai ke kawasan kediaman

- Di Malaysia, majoriti bekalan air ke rumah-rumah datang daripada air sungai yang dirawat di loji rawatan air (70%)
- Air sungai yang bersih sangat diperlukan bagi memastikan masyarakat mendapat bekalan air yang selamat untuk minum, memasak, mandi dan mencuci.
- Tanpa air sungai yang bersih, kehidupan harian akan terjejas dan risiko penyakit bawaan air akan meningkat.
- Oleh itu, kita haruslah menjaga kebersihan sungai agar terus dapat membekalkan air bersih ke kawasan kediaman.
- *Sambil menyelam minum air*

Isi 2 : membantu sektor pertanian

- sungai digunakan secara meluas untuk tujuan pengairan sawah padi, kebun sayur, ladang kelapa sawit dan pelbagai tanaman lain.
- Tanpa bekalan air yang mencukupi daripada sungai, hasil pertanian pasti akan merosot.
- Contohnya, di kawasan jelapang padi seperti di Kedah dan Perlis, air sungai disalurkan melalui sistem saliran untuk mengairi sawah sepanjang tahun.
- Kebergantungan petani terhadap sungai membuktikan bahawa sungai adalah nadi utama kepada pertumbuhan hasil pertanian negara.

Kesimpulan

- sungai membawa pelbagai manfaat yang tidak ternilai harganya kepada negara dan masyarakat.
- Sama ada dari sudut rekreasi, ekonomi, pengangkutan mahupun kelestarian alam, sungai tetap memainkan peranan utama dalam kehidupan kita.
- Oleh itu, menjadi tanggungjawab bersama seluruh rakyat Malaysia untuk menjaga kebersihan dan kelestarian sungai agar fungsinya dapat dikekalkan untuk generasi akan datang.
- Seperti kata pepatah, air dicencang tidak akan putus, begitulah pentingnya sungai dalam menghubungkan kehidupan manusia dengan alam semula jadi.



Soalan Bahagian B

[70 markah]

SKEMA PEMARKAHAN

1.

Permainan tradisional seperti batu seremban, congkak , galah panjang dan konda kondi kurang mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat. Justeru, pelbagai usaha perlu dilakukan untuk mempopularkan permainan ini seperti pihak kerajaan menganjurkan festival permainan tradisional. Selain itu, ibu bapa memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak sejak kecil dan pihak sekolah menjadikan permainan tradisional sebagai satu daripada kegiatan kokurikulum.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan usaha-usaha untuk mempopularkan permainan tradisional

KEHENDAK TUGASAN

1. Calon dikehendaki menghuraikan **usaha-usaha untuk mempopularkan permainan tradisional** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu ;

- pihak kerajaan menganjurkan festival permainan tradisional.
- ibu bapa memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak sejak kecil.
- pihak sekolah menjadikan permainan tradisional sebagai satu daripada kegiatan kokurikulum.

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan langkah-langkah – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan - maksimum peringkat **BAIK**.

Cadangan jawapan

Pendahuluan

- Permainan tradisional merupakan warisan budaya bangsa yang sarat dengan nilai murni dan sejarah. Namun, dalam arus pemodenan yang pesat, permainan

seperti congkak, gasing, wau dan batu seremban semakin dilupakan, terutamanya oleh generasi muda yang lebih cenderung kepada permainan digital.

- Keadaan ini amat membimbangkan kerana jika tiada usaha dilakukan, permainan tradisional ini mungkin akan pupus ditelan zaman.
- Oleh itu, pelbagai langkah harus diambil oleh pelbagai pihak untuk mempopularkan semula permainan tradisional dalam kalangan masyarakat Malaysia, khususnya golongan remaja.

Isi 1 : Pihak kerajaan menganjurkan festival permainan tradisional

- Pihak kerajaan menganjurkan festival permainan tradisional
- Festival seperti pertandingan tarik upih, sepak raga atau pertandingan membuat dan menerbangkan wau boleh diadakan semasa sambutan hari kebudayaan, karnival sekolah, atau program kemasyarakatan.
- Melalui festival ini, masyarakat bukan sahaja berpeluang untuk menyertai permainan tradisional, malah dapat merasai keseronokan dan keunikan budaya sendiri.
- Penyertaan daripada pelbagai lapisan umur juga mampu menghidupkan semula semangat kebersamaan dalam masyarakat. Seperti kata pepatah, “tak kenal maka tak cinta”
- maka festival ini dapat membuka mata generasi baharu untuk mengenali dan mencintai warisan nenek moyang mereka.

Isi 2 : Ibu bapa memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak sejak kecil

- Salah satu langkah utama ialah peranan ibu bapa memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak sejak kecil.
- Ibu bapa mengajak anak-anak bermain permainan tradisional di rumah.
- Mereka boleh memperuntukkan masa hujung minggu untuk bermain permainan seperti congkak atau batu seremban bersama anak-anak.
- Selain itu, ibu bapa juga boleh berkongsi cerita pengalaman bermain permainan tradisional semasa zaman kanak-kanak mereka.
- Langkah ini bukan sahaja mengeratkan hubungan kekeluargaan, malah memupuk minat anak-anak terhadap warisan budaya bangsa.
- Peribahasa “melentur buluh biarlah dari rebungnya” jelas menunjukkan bahawa pendidikan awal daripada ibu bapa amat penting dalam menggalakkan anak-anak bermain permainan tradisional.

Isi 3 : Pihak sekolah menjadikan permainan tradisional sebagai satu daripada kegiatan kokurikulum.

- Pihak sekolah menjadikan permainan tradisional sebagai satu daripada kegiatan kokurikulum.
- Melalui pendekatan ini, murid-murid akan dapat mengenali dan menghargai permainan tradisional secara lebih sistematik dan berstruktur.
- Guru-guru penasihat boleh menubuhkan kelab permainan tradisional yang mengajar teknik bermain dan sejarah permainan tersebut. Kegiatan kokurikulum ini juga boleh dijalankan secara mingguan sebagai aktiviti fizikal yang sihat dan menyeronokkan.

- Langkah ini sejajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek secara menyeluruh.
- Tegasnya, sekolah adalah tempat yang strategik untuk menyemai minat murid terhadap permainan tradisional.

Penutup:

- Kesimpulannya, usaha mempopularkan permainan tradisional memerlukan kerjasama pelbagai pihak seperti ibu bapa, pihak sekolah, NGO dan institusi kerajaan. Tanpa usaha yang bersepadu, tidak mustahil permainan tradisional akan hanya tinggal dalam lipatan sejarah.
- Oleh itu, setiap individu harus memainkan peranan agar warisan ini terus hidup dan berkembang dalam masyarakat moden. Kita harus sedar bahawa “yang kurik itu kundi, yang merah itu saga, yang baik itu budi, yang indah itu bahasa”, dan permainan tradisional adalah cerminan budi dan budaya bangsa yang harus dipelihara dengan penuh rasa tanggungjawab.

2.

Kes buli dalam kalangan murid sekolah menunjukkan peningkatan yang membimbangkan semua pihak. Statistik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mencatatkan sebanyak 5,891 kes buli berlaku sepanjang tahun 2023 berbanding 3,887 kes pada tahun 2022. Buli boleh berlaku dalam pelbagai bentuk seperti fizikal, lisan, emosi dan siber. Gejala meninggalkan kesan kepada mangsa buli seperti menjejaskan pencapaian akademik mereka.

Sumber : The Sun Daily, 2024

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kesan-kesan buli kepada murid.

KEHENDAK TUGASAN

1. Calon dikehendaki menghuraikan idea tentang **kesan-kesan buli kepada murid**.

- Calon dikehendaki menghuraikan idea dalam petikan dan menambah idea lain

Idea dalam petikan

- Menjejaskan pencapaian akademik

Cadangan idea lain

- Mengganggu emosi mangsa sehingga menyebabkan kemurungan
- Menyebabkan masalah sosial dalam kalangan murid dan masyarakat

Kemungkinan jawapan :

1. Jika calon TIDAK menghuraikan idea dalam petikan - maksimum **KEPUJIAN**

Cadangan Jawapan

Pendahuluan

- Buli dalam kalangan murid sekolah merupakan isu yang semakin membimbangkan di negara kita. Menurut **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**, sebanyak **4,994 kes buli telah direkodkan melalui Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) dari Januari hingga Oktober 2023**.
- Buli didefinisikan sebagai perbuatan menyakiti, menindas atau memperlekehkan seseorang sama ada secara fizikal, lisan, emosi atau melalui siber.
- Gejala ini memberi kesan yang besar bukan sahaja kepada mangsa, malah kepada pelaku dan masyarakat secara keseluruhannya.
- Oleh itu, amat penting untuk kita memahami kesan-kesan buli terhadap murid agar langkah pencegahan dapat diambil segera.

Isi 1 - mengganggu emosi mangsa

- **mengganggu emosi mangsa sehingga menyebabkan kemurungan.** Mangsa buli sering berasa takut, tertekan dan hilang keyakinan diri apabila berhadapan dengan pelaku. Mereka sentiasa dihantui rasa cemas, rendah diri dan rasa tidak selamat di persekitaran sekolah.
- Akibatnya, mangsa cenderung mengalami kemurungan, tidak mahu bergaul dengan rakan-rakan dan ada yang sampai ke tahap mencederakan diri sendiri atau mencuba membunuh diri.
- Keadaan ini amat membimbangkan kerana kesihatan mental mangsa terjejas, seterusnya menjejaskan kualiti hidup dan kesejahteraan mereka.
- Justeru, semua pihak perlu memainkan peranan untuk membantu murid yang menjadi mangsa buli agar mereka tidak terus terperangkap dalam kesedihan dan tekanan emosi.

Isi 2 – menjejaskan pencapaian akademik

- buli juga **menjejaskan pencapaian akademik murid.**
- Murid yang menjadi mangsa biasanya hilang minat untuk hadir ke sekolah kerana bimbang akan menjadi sasaran pelaku buli. Mereka tidak mampu memberikan tumpuan sepenuhnya di dalam kelas kerana sentiasa dalam ketakutan.
- Apabila murid mula ponteng sekolah atau menunjukkan penurunan dalam pencapaian akademik, masa depan mereka turut terancam. Murid yang tertekan juga sukar berfikir dengan baik, menyebabkan prestasi mereka merosot dalam peperiksaan.
- Hal ini boleh menyebabkan keciciran dalam muridan dan seterusnya menjejaskan peluang mereka untuk melanjutkan muridan ke peringkat lebih tinggi.

Isi 3 – menyebabkan masalah sosial dalam kalangan murid

- buli juga **menyebabkan masalah sosial dalam kalangan murid.**
- Sekolah yang dipenuhi dengan budaya buli akan mewujudkan suasana yang tidak selamat dan tidak harmoni. Murid akan kehilangan rasa hormat antara satu sama lain dan nilai-nilai murni seperti tolong-menolong, kasih sayang dan persefahaman akan terhakis.
- Dalam jangka masa panjang, budaya buli yang tidak dibendung akan melahirkan generasi yang ganas, tidak berperikemanusiaan dan sukar bekerjasama dalam masyarakat.
- Hal ini akan menjejaskan perpaduan masyarakat dan keamanan negara.
- Oleh itu, pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat perlu berganding bahu untuk memupuk sikap prihatin dan nilai hormat-menghormati dalam kalangan murid.

Penutup

- Kesimpulannya, buli memberikan pelbagai kesan buruk kepada murid sama ada dari segi **emosi, akademik mahupun sosial**. Isu ini perlu dipandang serius agar tidak merosakkan masa depan generasi muda.
- Semua pihak harus bekerjasama untuk membanteras gejala buli melalui pendidikan moral, kempen kesedaran dan tindakan disiplin yang tegas.
- Jika usaha mencegah buli dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, sudah pasti suasana sekolah akan menjadi lebih selamat, harmoni dan kondusif untuk perkembangan sahsiah dan akademik murid.

3.

Konflik dan pertumpahan darah yang tiada kesudahan seperti peristiwa 13 Mei 1969 telah menggugat keamanan negara. Peristiwa ini merupakan tragedi rusuhan kaum dan kemuncak masalah perpaduan di Malaysia. Oleh itu, pentingnya perpaduan ialah kunci untuk mencapai kestabilan politik demi pembangunan negara.

Sumber: <https://berita.rtm.gov.my/>

Selain kepentingan yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan kepentingan-kepentingan lain mengamalkan perpaduan kaum di Malaysia.

KEHENDAK TUGASAN

1. Calon dikehendaki menghuraikan idea tentang **kepentingan lain mengamalkan perpaduan kaum di Malaysia.**

2. Calon dikehendaki menghuraikan idea sendiri.

- Keharmonian dan kemakmuran negara
- Meningkatkan imej negara
- Meningkatkan ekonomi negara

Kemungkinan jawapan :

1. Jika calon menghuraikan idea dalam petikan (mencapai keharmonian dan kemakmuran dalam sesebuah masyarakat) – maksimum **KEPUJIAN**

Cadangan jawapan

Pendahuluan

- Pengalaman Malaysia mengekalkan formula perpaduan antara kaum dan amalan bertolak ansur agama selama ini pastinya dapat diperkukuhkan dengan konsep Malaysia MADANI.
- Sensitiviti pihak kerajaan yang sentiasa berusaha menyuburkan semangat perpaduan dalam masyarakat heterogen perlu diberi pujian.
- Bagaimanakah perpaduan kaum menatijahkan impak positif kepada negara? Tuntasnya, tepuk dada tanya selera.

Isi 1: Keharmonian dan kemakmuran negara

- Secara dominan, kepentingan mengamalkan perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat ialah dapat mengekalkan keharmonian dan kemakmuran negara.
- Kemakmuran sesebuah negara pastinya sentiasa disokong oleh masyarakatnya yang sentiasa bersatu padu bagi memajukan negara.
- Hal ini pastinya mampu mewujudkan sebuah entiti masyarakat yang mementingkan kerjasama bak kata pepatah, ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni, serta secara tidak langsung dapat mengikis sikap individualistik.
- Tamsilnya, organisasi masyarakat yang berbeza latar belakang, agama dan adat resam mampu duduk semeja berjuang mempertahankan kedaulatan negara daripada dicabuli pihak tertentu.
- Hal ini pastinya, dapat mengeratkan perpaduan kaum di negara kita dan negara bertamabah gah di persada dunia.

Isi 2: Meningkatkan imej negara

- Nama negara juga akan disanjung dan meningkatkan imej negara di mata dunia. Malaysia pastinya akan menjadi suri teladan kepada negara-negara pentas dunia, seterusnya akan dapat meningkatkan imej negara.
- Di negara lain, perpaduan berkemungkinan berada pada tahap yang amat rendah jika dibandingkan dengan negara kita yang mempunyai masyarakat yang bersatu padu.
- Contohnya, pada 31 Oktober 2006, dilaporkan bahawa Timbalan Perdana Menteri Britain mempelajari pengalaman Malaysia mengekalkan formula perpaduan.
- sebagai rakyat yang cinta akan watan, kita perlulah melaksanakan langkah-langkah yang proaktif bagi mengekalkan perpaduan antara kaum kerana bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

Isi 3 : Meningkatkan ekonomi negara

- Selain itu, dapat memajukan ekonomi negara dan seterusnya ekonomi Malaysia pasti bertambah mantap apabila perpaduan kaum dapat dikekalkan.
- Sektor ekonomi Malaysia yang mantap dan masih mampu bertahan jika dibandingkan dengan negara serantau yang berhempas pulas menghadapi kepincangan ekonomi.
- Seterusnya, pelabur asing tidak bimbang untuk melabur di Malaysia kerana keadaan negara kita yang aman dan damai, sekali gus dapat menaja ekonomi supaya terus berkembang.
- rakyat yang bersatu padu akan berusaha mengerah keringat bagi memastikan negara terus maju dan menggembeleng tenaga memulihkan ekonomi negara.
- rakyat Malaysia amat diharapkan agar asas perpaduan yang telah lama bertapak mampu diperkukuhkan dan diperkasakan lagi.

Penutup

- Konklusinya, terdapat pelbagai kepentingan mengamalkan perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat di negara ini.
- Rakyat Malaysia amat diseru agar mempertahankan maruah bangsa hingga ke titisan darah yang terakhir dan memakmurkan bumi Malaysia melalui perpaduan kerana di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
- Oleh itu, semua pihak perlu menggembeleng tenaga bagi memurnikan dan mengekalkan perpaduan antara kaum.

4.

Setiap tahun, beribu-ribu orang graduan melangkah keluar daripada institusi pengajian tinggi dengan harapan membina kerjaya impian. Namun, realiti pasaran kerja memerlukan mereka berdaya saing dan mempunyai kemahiran tambahan. Oleh sebab itu, sokongan keluarga, rakan dan pihak universiti penting untuk membantu golongan ini mempersiapkan diri dengan cabaran yang bakal dihadapi.

Sumber : Harian Metro, 22 Mac 2024

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan persiapan-persiapan golongan muda sebelum memasuki alam kerjaya.

KEHENDAK SOALAN

Calon dikehendaki menghuraikan persiapan-persiapan golongan muda sebelum memasuki alam kerjaya.

Cadangan Rangka Karangan

Pendahuluan

- Pada era globalisasi ini, memiliki pekerjaan yang stabil merupakan impian setiap graduan sebaik sahaja menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi.

- realiti pasaran kerja masa kini semakin mencabar dan memerlukan graduan yang berdaya saing serta memiliki kelebihan tersendiri.
- persediaan awal menjadi faktor penentu sama ada seseorang graduan mampu menyesuaikan diri dengan kehendak majikan atau sebaliknya.
- golongan muda wajar membuat pelbagai persiapan rapi sebelum melangkah ke alam kerjaya demi menjamin masa depan yang cerah.

Isi 1 : meningkatkan kemahiran insaniah dan teknikal

- majikan pada hari ini lebih mengutamakan graduan yang mampu berkomunikasi dengan baik, berfikir secara kritis dan mahir menggunakan teknologi terkini.
- graduan disaran mengambil inisiatif menyertai kursus tambahan atau memperoleh sijil profesional yang relevan dengan bidang pengajian mereka.
- contoh - seseorang graduan bidang kejuruteraan wajar memiliki kemahiran pengendalian perisian reka bentuk atau automasi.
- kemahiran yang pelbagai akan memberi kelebihan kepada graduan.
- Oleh itu, usaha menambah ilmu dan kemahiran sewajarnya dijadikan agenda utama sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

Isi 2 : membina rangkaian profesional yang kukuh

- berpeluang mengenali individu berpengaruh dalam bidang kerjaya pilihan dan memperoleh maklumat peluang pekerjaan.
- memanfaatkan program praktikal, menghadiri seminar kerjaya atau menyertai kelab profesional di peringkat universiti.
- contoh - hubungan baik dengan alumni atau pensyarah boleh membantu memperkenalkan graduan kepada syarikat ternama.
- bukan sahaja membuka pintu rezeki malah memberi pendedahan tentang realiti sebenar dunia pekerjaan.
- Jelaslah bahawa rangkaian yang mantap dapat memudahkan graduan menempatkan diri dalam pasaran kerja yang kompetitif.

Isi 3 : sokongan moral daripada keluarga dan bimbingan pihak universiti

- ibu bapa yang prihatin mampu meniup semangat dan memberikan dorongan kepada anak-anak agar tidak mudah berputus asa.
- pihak universiti pula memainkan peranan melalui penganjuran bengkel penulisan resume, simulasi temu duga dan sesi kaunseling kerjaya.
- contoh - pusat kerjaya di universiti boleh menganjurkan sesi temu duga terbuka bersama syarikat swasta bagi memberi peluang awal kepada graduan.
- sokongan menyeluruh ini akan meningkatkan keyakinan diri graduan untuk menghadapi cabaran dunia pekerjaan yang tidak menentu.
- tegasnya, dorongan daripada keluarga dan institusi pengajian tinggi dapat membantu graduan menjejakkan kaki ke alam kerjaya dengan lebih bersedia.

Penutup

- Kesimpulannya, pelbagai langkah wajar diambil oleh golongan muda bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam persaingan pasaran kerja yang semakin sengit.

- Persiapan yang rapi dari segi kemahiran, rangkaian dan sokongan sokongan moral akan memberi kelebihan kepada graduan untuk menempatkan diri dalam bidang kerjaya idaman.
- Usaha ini juga sejajar dengan aspirasi negara yang memerlukan tenaga kerja berkualiti tinggi bagi menghadapi cabaran masa hadapan.
- Golongan muda hari ini perlu sentiasa proaktif mempersiapkan diri agar menjadi insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT